

20 MAR 2000

PM-ALAM SEKITAR

LEBIH BANYAK PERLU DILAKUKAN BAGI MEMBANTU NEGARA MEMBANGUN BERKEMBANG,  
KATA MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 20 Mac (Bernama) -- Banyak lagi perkara perlu dilakukan, terutamanya daripada segi pemindahan teknologi, pelaburan langsung asing dan syarat-syarat perdagangan yang lebih baik bagi membantu negara-negara membangun berkembang, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Ini, dengan dibantu oleh regim kewangan antarabangsa yang baru, akan membolehkan negara-negara itu mengatasi masalah-masalah dalaman mereka dengan cepat, kata beliau di dalam ucapan pembukaan pada persidangan Pencemaran di Bandar-bandar Metropolitan (Polmet 2000) bertajuk "Pengekalan Pembangunan Bandar di Alaf Baru".

Sejak kebelakangan ini, Dr Mahathir berkata, terlalu banyak yang memperkatakan bahawa pembaharuan itu lebih penting daripada pertumbuhan.

Bagaimanapun, beliau menyoal kembali, apa gunanya pembaharuan perbankan dan amalan-amalan terbaik dilakukan jika bank-bank berkenaan tidak mempunyai wang dan tiada urusan perniagaan untuk diperkatakan.

"Ini hanya boleh menjadi kenyataan jika terdapatnya pertumbuhan (dalam ekonomi) dan jika sekiranya sesuatu kelalaian itu diperlukan bagi mencapai sesuatu pertumbuhan ... oleh yang demikian kita tidak perlu didesak supaya melakukan perubahan," tambah beliau.

Perubahan pada peringkat antarabangsa, diperlukan serentak dalam penyelesaian masalah ekonomi dan ekologi sebagai salah satu cara yang dapat membolehkan ekonomi dunia merangsang perkembangan negara-negara membangun, sekaligus memberi perhatian kepada alam sekitar.

Beliau berkata corak pembangunan pertanian dan perhutanan, penggunaan kuasa, perindustrian dan penempatan manusia di masa akan datang boleh dikurangkan kegiatannya, sekaligus menjadikannya lebih ekonomikal dan mesra alam.

Di dalam keadaan ini, pertumbuhan era baru di dalam ekonomi dunia boleh memperluaskan lagi pilihan-pilihan yang ada kepada negara-negara membangun.

Bagaimanapun, beliau berkata, negara-negara membangun di Asia tidak mampu bergantung sepenuhnya kepada bantuan luar untuk membangun kerana inisiatif perlu datang daripada diri mereka sendiri, dengan menggunakan sumber yang ada, kepandaian, kerjasama serantau dan kerja keras.

Urbanisasi, tambah beliau, bergerak pada kadar yang mendadak di Asia tetapi, rantau ini mempunyai keupayaan mengekalkan kemajuan ini. -- BERNAMA  
SHO AA OS